

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 7 Ogos 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA JUN 2025

**Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat signifikan 3.0 peratus
pada Jun 2025, didorong oleh momentum pertumbuhan dalam sektor
Pembuatan dan Elektrik**

PUTRAJAYA, 7 OGOS 2025 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat signifikan 3.0 peratus pada Jun 2025, didorong oleh momentum pertumbuhan dalam sektor Pembuatan dan Elektrik. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Jun 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Pengeluaran Perindustrian mencatatkan pertumbuhan positif pada kadar 3.0 peratus pada Jun 2025 berbanding 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini disokong oleh pertumbuhan output yang memberansangkan dalam sektor Pembuatan yang bertumbuh 3.6 peratus (Mei 2025: 2.8%) terutamanya dalam industri berorientasikan domestik dan sektor Elektrik meningkat 4.1 peratus (Mei 2025: -0.1%). Walau bagaimanapun, pengeluaran sektor Perlombongan masih dalam jajaran negatif tetapi memulih ketara kepada negatif 0.01 peratus (Mei 2025: -10.2%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, IPP mencatatkan pertumbuhan positif yang signifikan 7.6 peratus, berbanding 1.1 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Pada Jun 2025, industri berorientasikan domestik berkembang pesat sebanyak 5.1 peratus berbanding peningkatan 2.6 peratus yang direkodkan pada Mei 2025. Perkembangan pesat ini disokong oleh peningkatan dua digit 11.3 peratus dalam Pembuatan produk prosesan makanan diikuti dengan peningkatan dalam pengeluaran Pembuatan logam asas (6.7%) dan Pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler meningkat 3.4 peratus pada Jun 2025. Walau bagaimanapun perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan domestik menyusut 3.1 peratus berbanding 1.0 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya.”

Sementara itu, industri berorientasikan eksport mencatatkan pertumbuhan yang malar kepada 2.9 peratus selepas peningkatan yang sama direkodkan pada bulan sebelumnya. Pertumbuhan malar ini terutamanya disebabkan oleh kemerosotan 5.9 peratus dalam Pembuatan komputer, produk elektronik dan optikal. Ini adalah selari dengan prestasi eksport barangan negara yang masih mencatatkan penurunan 4.2 peratus pada Jun 2025 selepas pertama kali mencatatkan pertumbuhan negatif pada Mei 2025. Sebaliknya, Pembuatan minyak dan lemak sayuran & haiwan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.5 peratus. Pembuatan jentera dan peralatan t.t.t.l. dan Pembuatan kelengkapan elektrik masing-masing yang mencatatkan pertumbuhan sebanyak 9.3 peratus dan 7.1 peratus. Walau bagaimana pun perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport meningkat dua digit 11.9 peratus daripada 5.3 peratus pada Mei 2025.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Pertumbuhan output sektor Perlombongan masih dalam jajaran negatif walaupun memulih ketara negatif 0.01 peratus pada Jun 2025 (Mei 2025: -10.2%) kesan daripada lonjakan dalam peningkatan pengeluaran Gas Asli 2.3 peratus. Sementara itu, Minyak Mentah & Kondensat pula terus merekodkan pertumbuhan negatif 3.2 peratus. Berbanding Mei 2025, indeks Perlombongan meningkat ketara 15.8 peratus selepas mengalami pertumbuhan negatif 12.8 peratus pada bulan sebelumnya. Sementara itu, penjaan Elektrik meningkat 4.1 peratus tahun ke tahun pada Jun 2025 (Mei 2025: -0.1%). Perbandingan bulan ke bulan, indeks Elektrik menyusut kepada negatif 3.0 peratus (Mei 2025: 7.4%).”

Melihat kepada prestasi beberapa negara lain, IPP bertumbuh kukuh termasuk Taiwan (18.6%), Vietnam (10.8%), Singapura (8.0%), China (6.8%), Jepun (4.0%) dan Korea Selatan (1.6%). Manakala IPP bertumbuh sederhana bagi Amerika Syarikat (0.7%) dan Thailand (0.6%) pada Jun 2025.

Merumuskan kenyataan Ketua Perangkawan Malaysia berhubung prestasi IPP bagi suku tahun kedua 2025, “IPP bertumbuh pada kadar lebih sederhana iaitu 2.0 peratus berbanding 2.3 peratus yang direkodkan pada suku tahun pertama 2025. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh sektor Pembuatan dan sektor Elektrik masing-masing dengan pertumbuhan 3.9 peratus dan 0.7 peratus. Selain itu, IPP bagi sektor Perlombongan

merekodkan penurunan 5.5 peratus. Dalam perbandingan suku ke suku, IPP merekodkan negatif 1.5 peratus.

Sementara itu, bagi tempoh separuh tahun pertama tahun ini (Januari – Jun 2025), IPP menyederhana sebanyak 2.2 peratus (Januari – Jun 2024: 3.7%) dengan sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan 4.0 peratus manakala sektor Perlombongan (-4.3 %) dan sektor Elektrik (-0.5%) pula mencatatkan penurunan.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory* (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch* (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
Jun 2024 - Jun 2025**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Jun 2024 - Jun 2025**




**Carta 3: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
ST2 2024 – ST2 2025**




**Carta 4: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Mei 2025 dan Jun 2025**




Carta 5: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, Jun 2024 - Jun 2025



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Mei 2025 dan Jun 2025



Carta 7: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Mei 2025 dan Jun 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 OGOS 2025